

Integrasi Pendidikan Tingkah Laku Anak Menurut Luqman Dan Ulwan Najati

[Integration Children Behavioral Education According To Luqman And Ulwan Najati]

Nur Azwani Mansor @ Noordin¹, Shahnun Musa² & Khairulnazrin Nasir³

¹ Jabatan Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, Kota Bharu, Kelantan, azwani79@yahoo.com

² Jabatan Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, Kota Bharu, Kelantan, shahnunmusa70@gmail.com

³ Academy of Islamic Studies, University Malaya Education Centre, Bachok, Kelantan, khairulnazrin@um.edu.my

ABSTRACT

The formation of commendable attitudes, behavior and morals needs to be cultivated from an early age by the people who are closest to the children. Parents, families, guardians and teachers are responsible for educating and shaping children's behavior, because of the closeness factor and the strongest influence on children. Therefore, this study aims to describe the main methods of education, teaching and learning behaviour towards the formation of commendable values and morals towards children. The approach is discussed from the perspective of famous scholars Abdullah Nasih 'Ulwan and Muhammad Utsman Najati. This study applies a qualitative research approach with the theme of literature review. Data is obtained from scientific articles and books. The method of content analysis by synthesis is applied to the education method of Abdullah Nasih 'Ulwan from his work Tarbiyat al-Awlad fi al-Islam and the learning method of Muhammad Uthman Najati from his work Al-Qur'an wa 'Ilm An Nafs and al-Hadith al-Nabawi wa Ilm an-Nafs as well as from surah Luqman in the al-Quran to discuss value education in behaviour. The results of the study found that the education method in Surah Luqman, Abdullah Nasih 'Ulwan and the psychological learning method of Muhammad Ustman Najati can be integrated to form a simple and practical behavioural education for parents and guardians. The implication is that the method is seen to be very effective in treating children in line with Islamic Shari'a because it is based on the teachings of the Quran and Hadith, and is even streamlined with the views of contemporary Islamic scholars that are in line with the reality of today.

Keywords: Method education behavior; Family; Nasih Ulwan and Utsman Najati

ABSTRAK

Pembentukan sikap, perangai, tingkah laku dan akhlak terpuji perlu ditanam sejak dari kecil lagi oleh orang-orang yang paling dekat dengan anak-anak. Ibu bapa, keluarga, penjaga dan guru merupakan pihak yang bertanggungjawab untuk mendidik dan membentuk tingkah laku anak-anak, kerana faktor keakraban dan kekuatan pengaruh terhadap anak-anak. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menghuraikan kaedah-kaedah utama pendidikan, pengajaran dan pembelajaran bagi tingkah laku ke arah pembentukan nilai dan akhlak terpuji terhadap anak-anak. Pendekatan tersebut dibincangkan dari perspektif sarjana terkenal, Abdullah Nasih 'Ulwan dan Muhammad Utsman Najati. Kajian ini mengaplikasikan pendekatan kajian secara kualitatif yang bertemakan kajian kepustakaan. Data diperoleh daripada artikel ilmiah dan buku-buku. Kaedah analisis kandungan secara sintesis diaplikasikan terhadap kaedah pendidikan Abdullah Nasih 'Ulwan dari karyanya *Tarbiyat al-Awlad fi al-Islam* dan kaedah

pembelajaran Muhammad Utsman Najati dari karyanya *Al-Qur'an wa 'Ilm An Nafs dan al-Hadis al-Nabawi wa Ilm an-Nafs* serta surah Luqman dalam al-Quran bagi membincangkan pendidikan nilai dalam tingkah laku. Hasil kajian mendapati bahawa kaedah pendidikan dalam surah Luqman, Abdullah Nasih ‘Ulwan dan kaedah pembelajaran psikologi Muhammad Ustman Najati boleh disepadukan untuk membentuk satu kaedah pendidikan tingkah laku yang mudah dan praktikal bagi ibu bapa dan penjaga. Implikasinya, kaedah dilihat sangat berkesan dalam menyantuni anak-anak sejajar dengan syariat Islam kerana ianya bertitik tolak dari ajaran al-Quran dan Hadis, malah diperkemaskan lagi dengan pandangan tokoh ilmuan Islam kontemporari yang sesuai dengan keadaan realiti pada hari ini.

Kata Kunci: Kaedah pendidikan tingkah laku; Keluarga; Nasih Ulwan; Utsman Najati

How to Cite:

Received : 05-03-2024
Accepted : 19-05-2024
Published : 27-05-2024

Mansor @ Noordin, N. A., Musa, S., & Nasir, K. (2024). Integrasi pendidikan tingkah laku anak menurut Luqman dan Ulwan Najati. RABBANICA Journal of Revealed Knowledge, 5(1), 75-89

1. Pendahuluan

Kanak-kanak merupakan anugerah dan pada masa yang sama menjadi ujian kepada ibu bapa kerana boleh membawa ke arah ketakwaan kepada Allah atau sebaliknya. Hak-hak kanak-kanak hendaklah diberikan perhatian sewajarnya dan ditunaikan mengikut kemampuan (Zulkifli bin Mohamad al-Bakri, 2015). Perihal kemaslahatan kanak-kanak amatlah dititikberatkan dalam Islam sebagaimana firman Allah SWT dalam surah *al-Syu'ara*, ayat 133 hingga 134:

أَمَدْكُم بِلَئِنْعُمْ وَبِتَنِينَ وَجَهْتٍ وَغُيُونَ

Ertinya: “Dia telah menganugerahkan kepadamu binatang-binatang ternak, dan anak-anak”, dan kebun-kebun dan mata air”,

Kanak-kanak bergantung sepenuhnya kepada orang dewasa iaitu keluarga dan orang persekitarannya untuk meneruskan kelangsungan hidup serta membuat keputusan ke atas perkara-perkara yang berkaitan dengan diri mereka. Mereka adalah golongan yang lemah dan mudah terpengaruh dengan keadaan persekitarannya (Mamat et al., 2020). Orang dewasa merupakan golongan yang paling besar memberi impak dalam kehidupan kanak-kanak terutama dalam pembentukan watak, sahsiah dan tingkah laku. Pengaruh ini akan memberi kesan dalam perkembangan identiti kanak-kanak sama ada membesar dengan watak yang terpuji atau sebaliknya (Kamarulzaman Kamaruddin, 2016).

Golongan kanak-kanak dianggap lemah dan bergantung kepada orang dewasa. Maka, Islam sangat menekankan penerapan kasih sayang, bertimbang rasa dan prihatin terhadap golongan ini. Malah mereka sangat memerlukan pendidikan bimbingan, panduan dan tunjuk ajar secara menyeluruh oleh orang dewasa di sekeliling mereka. Inilah kesempurnaan Islam sebagai agama yang telah dibawa oleh junjungan besar Nabi Muhammad SAW dengan risalah *Rahmatan lil 'Alamin*, rahmat kepada sekalian alam, seperti mana sabda Rasulullah SAW:

Abdullah bin ‘Amr meriwayatkan bahawa Nabi Muhammad SAW pernah bersabda:

مَنْ لَمْ يَرْحِمْ صَغِيرَنَا وَيَعْرِفْ حَقَّ كَبِيرَنَا فَلَيْسَ مَنَّا

Ertinya: “Orang-yang tidak bersikap belas kasihan terhadap kanak-kanak dan tidak tahu (menunaikan) hak orang-orang tua, maka dia bukan daripada kalangan kami” (Riwayat Abu Dawud dan Ahmad).

Islam turut menekankan pendidikan tingkah laku terhadap anak-anak untuk membentuk dan membina akhlak terpuji. Ini kerana proses pendidikan manusia dapat membangunkan semua potensi yang merangkumi jasmani, perilaku, akal dan rohani. Pendidikan yang diterima dapat memberi pengalaman dan maklumat, sekali gus membentuk tingkah laku terpuji. Justeru pembentukan tingkah laku yang terpuji dan berpekerti mulia seharusnya dibentuk dan dididik sejak awal usia kanak-kanak lagi. Sifat itu perlu dipupuk setiap hari, usaha yang berterusan, disiplin serta kerjasama dari ibu bapa, keluarga dan pendidik.

Tingkah laku boleh menjadi aktif atau pasif dan negatif atau positif berdasarkan penerimaan rangsangan-rangsangan atau faktor-faktor tertentu yang mampu mengubah tingkah laku. Secara amnya tingkah laku boleh di definisikan sebagai suatu tindakan, perbuatan, respons, interaksi, tindak balas organisme yang dipengaruhi oleh rangsangan-rangsangan tertentu sama ada dari dalaman atau persekitaran. Biasanya tingkah laku merangkumi apa sahaja aktiviti, prestasi, aksi, interaksi yang dilakukan atau diperkatakan oleh individu dalam sesuatu keadaan sama ada dapat memberi makna atau tidak terhadap sesuatu perkara, subjek atau objek (Siti Khadijah Mohamad Elham & Sarena Abdullah, 2016 & Green, Timothy D. & Brown, A., 2002).

Justeru itu peranan ibu bapa dan para pendidik adalah sangat penting dalam mencorakkan pembentukan tingkah laku kanak-kanak. Ini kerana ibu bapa adalah *role model* dan menjadi contoh kepada anak-anak, memberi panduan dan tunjuk ajar untuk bertingkah laku yang sebaiknya berdasarkan tatacara dan peraturan kehidupan yang diterima oleh norma masyarakat dan dipersetujui oleh ajaran Islam (Femmi Nurmatalitasari, 2015 & Haliza & Joy Neamalar, 2016). Tingkah laku yang baik atau positif merupakan lambang hati yang baik, mempunyai sifat yang terpuji dan lambang keimanan serta ketakwaan kepada Tuhan. Maka umat Islam seharusnya mempunyai akhlak dan sahsiah yang terpuji sejak dari kecil lagi seperti mana yang telah ditekankan di dalam al-Quran, hadis Rasulullah SAW dan juga para ilmuwan Islam.

2. Kajian Literatur

Menurut Suziyani, 2014, isu tingkah laku kanak-kanak seharusnya diatasi di peringkat awal kanak-kanak lagi kerana dibimbangi sekiranya dibiarkan berlarutan sehingga dewasa, ia mampu mengundang kepada masalah sosial yang lebih serius. Antaranya ialah jenayah berat seperti merompak, membunuh dan sebagainya, penagihan dadah, seks bebas, keciciran sekolah, laku musnah dan sebagainya.

Di samping itu, gejala sosial seperti penyalahgunaan dadah, bunuh diri, aktiviti jenayah dan masalah kesihatan mental semakin meningkat dan dikaitkan dengan masalah tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak. Ini kerana kanak-kanak yang mengalami masalah tingkah laku mempunyai kecenderungan atau risiko yang tinggi untuk terlibat dalam gejala sosial. Selain itu, faktor sosial ekonomi dan tahap pendidikan ibu bapa juga turut menunjukkan terdapat hubungan dengan pembentukan masalah tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak (Zarinah & Rozumah, 2011 & Berk, 2017).

Pelbagai kajian, teori dan pendekatan diperkenalkan bagi melahirkan anak-anak yang mempunyai tingkah laku yang mulia dan terpuji, maka proses pengajaran dan pembelajaran menjadi perkara yang perlu diutamakan. Barat telah mengemukakan pelbagai perspektif dan

teori tentang pengukuhan tingkah laku seperti Teori Pelaziman Klasik dari Ivan Pavlov, (Gormezano, I., Prosy, W.F., & Thompson, R.F., 1987), Teori Pelaziman Tingkah laku oleh JB Watson (Watson, 1930), Teori Pembelajaran Sosial oleh Albert Bandura (Bandura, 1977) dan Teori Peneguhan dari BF Skinner (Hergenhahn, B. R. & Olson, M. H. (2005). Walaupun teori-teori Barat menjadi asas dalam proses pengajaran dan pembelajaran tingkah laku, namun ia tidak menekankan unsur-unsur kerohanian dan kesepaduan antara hubungan tingkah laku positif dengan konsep ketuhanan. Oleh itu, kajian ini berusaha untuk membincangkan tentang pendekatan pendidikan tingkah laku anak-anak menurut Islam berdasarkan integrasi surah Luqman, kedah pendidikan tingkah laku oleh Nasih Ulwan dan pendekatan psikologi dalam membentuk tingkah laku oleh Utsman Najati. Sinergisme ketiga-tiga gabungan ini telah meliputi pendidikan tingkah laku secara menyeluruh dan menepati syariat Islam.

3. Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dalam bidang sintesis yang melibatkan data tekstual. Data tekstual diperoleh daripada al-Quran, artikel ilmiah dan buku. Kaedah analisis kandungan secara sintesis diaplikasikan terhadap kaedah pendidikan nilai dalam surah Luqman dalam al-Quran, pendidikan anak oleh Abdullah Nasih ‘Ulwan dalam karya bukunya *Tarbiyat al-Awlad fi al-Islam* dan kaedah pembelajaran dengan pendekatan psikologi Muhammad Utsman Najati dari karya bukunya *Al-Qur'an wa 'Ilm An Nafs* dan *al-Hadis al-Nabawi wa Ilm an-Nafs*.

4. Dapatan Kajian

Hasil kajian mendapati kaedah pendidikan nilai Luqman dan Abdullah Nasih Ulwan dari perspektif pendidikan kanak-kanak dalam Islam dan kaedah pembelajaran Muhammad Utsman Najati dari perspektif psikologi Islam mempunyai persamaan. Kaedah daripada ketiga-tiga perspektif ini boleh disepadukan bagi membentuk satu kaedah yang lengkap dan mudah difahami sebagai kaedah pendidikan tingkah laku anak. Kesepaduan kaedah tersebut boleh dijadikan satu panduan dalam proses pendidikan tingkah laku anak menjadi lebih berkesan dan bertepatan dengan matlamat pendidikan tersebut dalam Islam. Gabungan ini diistilahkan sebagai “Integrasi Pendidikan Tingkah laku Luqman dan Ulwan Najati”, yang terdiri daripada lima kaedah sebagaimana dalam jadual di bawah;

Jadual 1: Integrasi Pendidikan Tingkah laku Luqman dan Ulwan Najati

| Kaedah | Surah Luqman | Ulwan | Najati | Kaedah Pendidikan Tingkah laku |
|--------|-----------------|----------------------|----------------------------|----------------------------------|
| 1 | Ayat 18-19 | <i>Bil-qiadah</i> | <i>Taqlid</i> | Peniruan / Teladan |
| 2 | Ayat 13 & 17 | <i>Bil-‘adah</i> | <i>Isyrat</i> | Pelaziman |
| 3 | Ayat 12 & 14-15 | <i>Bil-mulahazoh</i> | <i>Tafakkur</i> | Berfikir / Penaakulan |
| 4 | Tiada | <i>Bil-mau’izoh</i> | <i>Tajribah wa khatha’</i> | Cuba jaya / Penyelesaian Masalah |
| 5 | Ayat 16 | <i>Bil-‘uqubah</i> | Tiada | Hukuman dan ganjaran |

Pertama ialah mendidik anak melalui kaedah keteladanan dengan menunjukkan akhlak mulia dan perilaku yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam dan adat budaya setempat. Ibu bapa atau penjaga seharusnya menunjukkan akhlak dan keperibadian yang mulia, tidak sompong dengan menunjukkan kehambaan kepada Allah dan contoh perilaku yang baik kepada anak-anak. Maka anak akan belajar dengan mengamati dan meniru perilaku tersebut kerana

sentiasa melihat perilaku terpuji. Selain itu, dapat membentuk rasa takut dan rasa kehambaan kepada Allah dengan melakukan segala suruhan dan meninggalkan segala larangan Allah.

Kedua ialah mendidik anak melalui kebiasaan (pembiasaan atau pelaziman) iaitu sentiasa melakukan dan mempraktikkan perilaku yang selari dengan tuntutan Islam dan adat budaya setempat. Mempraktikkan tingkah laku yang baik dalam semua aspek termasuklah percakapan, perbuatan dan pemakaian dan menjadikan sebagai amalan dalam kehidupan seharian. Maka anak akan belajar untuk membiasakan diri dengan tingkah laku dan amalan tersebut yang akan menjadi suatu amalan dalam kehidupan secara turun temurun.

Ketiga ialah mendidik anak dengan memerhati dan memantau semua aspek tumbesaran fizikal, rohani dan perkembangan perilaku anak supaya dapat membesar dengan normal dan tidak tersasar dari landasan syariat Islam. Maka anak-anak belajar dengan kaedah mencuba untuk melakukan sesuatu atau bertindak berdasarkan pengalaman yang telah dilalui tetapi di bawah pemantauan dan pemerhatian ibu bapa dan penjaga.

Keempat dan kelima ialah mendidik anak dengan membimbing dan menasihati anak supaya bertingkah laku baik. Ganjaran wajar diberikan sebagai galakan tingkah laku baik, sebaliknya hukuman dan dendaan boleh dilaksanakan sekiranya mereka melakukan kesalahan. Maka dari situ, anak belajar dengan berfikir sama ada tindakan atau perilaku yang telah dan akan dilakukan adalah betul atau salah dengan merujuk kepada nasihat, bimbingan, ganjaran dan hukuman yang telah dan akan diterima. Oleh yang demikian, Kaedah Ulwan Najati ini boleh dijadikan panduan sebagai teknik pendidikan dan pengasuhan kepada ibu bapa dan para pendidik dalam membentuk dan sekaligus mempengaruhi pemikiran, perilaku dan tindakan anak apabila meningkat dewasa.

Islam menekankan pendidikan tingkah laku sebagai salah satu elemen dalam proses sosialisasi untuk mengasuh, mendidik, melatih, mengawal hawa nafsu, menyucikan hati, membentuk sikap terpuji dan beradab, meninggalkan sifat tercela dan juga taat kepada perintah Allah berdasarkan pendidikan nilai-nilai dalam surah Luqman. Maka pendidikan awal kanak-kanak perlulah bermula dengan proses pendidikan Islam terlebih dahulu dengan melihat fitrah dan tabii tujuan penciptaan manusia. Ini kerana pendidikan dalam Islam ialah suatu proses latihan terhadap akal, rohani, jasmani, akhlak dan kemasyarakatan (*ijtimiah*) untuk hidup berharmoni dengan alam sejagat. Sekaligus dapat membentuk generasi seimbang dari semua segi aspek kehidupan termasuklah kerohanian, hubungan dengan Allah dan sesama manusia.

Keberhasilan proses pembelajaran berdasarkan kaedah Ulwan Najati adalah bergantung kepada kaedah-kaedah yang dipraktikkan oleh pelajar itu sendiri. Pembelajaran yang berkesan mampu mengubah tingkah laku, watak, sifat, karakter, keterampilan dan harga diri kerana berlaku penambahan ilmu dan hidayah yang Allah SWT anugerahkan. Perubahan yang berlaku kepada manusia akibat dari proses pembelajaran akan menjadi lebih bermakna sekiranya menuju kepada keredhaan Allah SWT. Seterusnya ditingkatkan, dikembangkan dan disebarluaskan ilmu tersebut untuk meningkatkan potensi diri manusia lain

5. Perbincangan

Kandungan perbincangan dan perbahasan dalam bahagian ini diklasifikasikan kepada tiga bahagian utama, iaitu:

5.1 Kaedah Pendidikan Nilai Dalam Surah Luqman

Terdapat satu surah dalam al-Quran yang menceritakan kegigihan seorang hamba Allah yang soleh bernama Luqman bin Ba'uran bin Nahur bin Tarakh yang melakukan sosialisasi pendidikan Islam kepada ahli keluarganya untuk menuju kebenaran dengan menerapkan nilai dan akhlak mulia supaya kehidupan diredai Allah. Kisahnya bermula dari ayat 12 hingga 19 dari 34 ayat dan dinamakan surah Luqman bersempena namanya. Elemen utama tentang konsep sosialisasi pendidikan Islam dalam surah Luqman meliputi akidah, ibadah, akhlak dan dakwah yang merupakan asas utama dalam membentuk sifat dan perilaku anak (Muhammad bin Ali, 1993).

Jadual 1: Kaedah pendidikan nilai dalam membentuk tingkah laku menurut Luqman

| Bil | Nombor Ayat | Isi Kandungan |
|-----|-------------|--|
| 1 | Ayat 12 | Luqman mengajak anaknya berfikir tentang nikmat yang diberikan Allah dan menzahirkan rasa bersukur ke atas segala nikmat tersebut. Sifat syukur dapat dizahirkan dengan mentaati Allah dan dapat menambahkan keperibadian mulia dalam membentuk sifat anak. |
| 2 | Ayat 13 | Luqman menasihati anak-anaknya menekankan hubungan dengan Allah iaitu tidak menyekutukan Allah, menjauhi perbuatan syirik dan berbuat baik kepada kedua ibu bapa selagi mereka tidak menyeleweng dengan syariat Islam. Sentiasa berhati-hati dengan perbuatan dan tingkah laku sama ada nyata atau tersembunyi, menunaikan solat, membuat kebaikan dan mencegah kemungkaran serta sabar dengan kesusahan yang menimpa kerana kepada Allah tempat kembali dan segala perbuatan akan diberi balasan kelak. |
| 3 | Ayat 14-15 | Luqman mengajak anaknya berfikir tentang pengorbanan kedua ibu bapa dengan mentaati selagi mereka di jalan yang benar dan menjaga kebajikan mereka apabila telah tua. Anak juga seharusnya bersyukur kerana ibu bapa merupakan asbab kewujudannya di dunia |
| 4 | Ayat 16 | Konsep pendidikan melalui hukuman dan ganjaran dapat membentuk keperibadian mulia setiap manusia seperti wasiat Luqman yang menceritakan tentang segala perbuatan manusia akan dihitung dan diberi ganjaran pahala atau balasan dosa secara adil dan mengikut perhitungan Allah |
| 5 | Ayat 17 | Luqman menyuruh anaknya melakukan solat kerana dengan solat dapat mencegah kemungkaran dan mendidik manusia lebih bersabar dan tabah dalam menghadapi ujian dan apa sahaja yang menimpa. Maka dengan solat, anak lebih terkawal dan pengawasan ibu bapa menjadi minima. |
| 6 | Ayat 18-19 | Luqman berpesan jangan sompong, takbur dan bangga diri dan memandang rendah pada orang lain kerana sifat tersebut tidak disukai Allah. Bersemukalah dengan setiap orang dengan wajah berseri dan penuh rendah hati dan tidak bersuara dengan kuat seperti teriakan keldai tetapi melunakkan suara. Berkejar-kejarlah dalam melakukan kebaikan dan juga dalam memberi manfaat dan kebaikan kepada orang lain |

Luqman mempraktikkan komunikasi berkesan kepada anak-anaknya. Ini terbukti dengan terdapatnya unsur nasihat dan bimbingan yang dapat direalisasikan melalui komunikasi iaitu panggilan manja dan lunak kepada anak apabila mahu memulakan perbualan atau memberi nasihat. Sebagaimana Luqman telah memanggil anaknya dengan panggilan 'ya bunayya' (يَا بُنَيَّ) yang bermaksud anak kesayangan sebanyak 3 kali iaitu pada ayat 13, 16 dan 17 bagi menarik perhatian anak. Luqman memilih panggilan yang sesuai dan indah untuk anaknya supaya anak dapat merasai kasih sayang secara lisan, menyebabkan komunikasi menjadi lebih berkesan (Khairul Azhar Meerangani, 2017). Selain itu, Luqman juga menggunakan pendekatan menasihati secara lembut dan berhemah serta menggunakan bahasa indah supaya anak mudah menerima nasihat dan bimbingan (Safinah Ismail, 2018). Jelas di sini Luqman mengamalkan komunikasi berkesan dalam mendidik anaknya berdasarkan ilmu dari Allah SWT sebagai sumber utama.

Selari dengan kisah dalam surah Luqman, Abdurrahman an-Nahlawi (2004) merumuskan beberapa strategi yang boleh diperlakukan dalam menerapkan ilmu pengetahuan dan nilai kepada anak-anak supaya menjadi sifat dan karakter dalam diri. Antara strategi yang diutarakan ialah mendidik melalui dialog dan kisah dalam Quran dan Hadis, mendidik melalui keteladanan, perumpamaan, praktikal atau perbuatan, melalui *ibrah* dan *mau'idzah* serta *targhib* dan *tarhib*. Abdul Munip (2009) menyokong model ini dan menyatakan bahawa model an-Nahlawi tersebut sejajar dengan pendidikan holistik berdasarkan kaedah '*knowing the good, feeling the good and acting the good*'. Kaedah ini bermula dengan mengetahui tentang kebaikan yang melibatkan pengetahuan kognitif, setelah itu merasai dan mencintai kebaikan dan seterusnya membuat tindakan dengan melakukan kebaikan. Seseorang yang melakukan kebaikan kerana dia suka dengan kebaikan tersebut dan setelah terbiasa melakukannya maka akan berubah menjadi kebiasaan dan tabiat dalam kehidupannya.

5.2 Kaedah Pendidikan Nasih Ulwan

Ahli-ahli pemikir Islam juga telah meletakkan garis-garis panduan kepada pembentukan tingkah laku menurut al-Quran dan hadis. Antaranya ialah Abdullah Nasih Ulwan (1997) yang mengemukakan kaedah pendidikan tingkah laku yang boleh diaplikasikan seperti kaedah keteladanan, adat kebiasaan, nasihat dan bimbingan, perhatian dan pemantauan dan akhir sekali denda dan hukuman. Abdullah Nasih Ulwan merupakan seorang pemikir Islam yang telah menulis karya terulung iaitu kitab "*Tarbiyyat al-Awlād Fi al-Islām*" yang menyentuh tentang pengetahuan Islam dan aspek pendidikan anak mengikut perspektif Islam. Bagi memudahkan lagi masyarakat Islam memahami dan menghayati karyanya, kitab beliau telah diterjemahkan ke dalam beberapa bahasa supaya dapat memberi manfaat kepada bangsa lain selain Arab (Siti Nur Janah, Muhammad Talhah & Ajmain Safar, 2019).

Menurut Abdullah Nasih Ulwan (1997), anak adalah amanah, anugerah Allah yang terindah dan termahal kepada setiap ibu bapa. Anak juga boleh menjadi ujian dan fitnah kepada ibu bapa. Oleh kerana itu, kedua ibu bapa seharusnya menyedari akan hal ini dan bersungguh-sungguh mendidik amanah ini dengan tata cara yang disyariatkan dengan mencontohi Rasulullah SAW sebagai model utama dan juga dasar-dasar konsep pembinaan dan pendidikan anak menurut Islam. Nasih Ulwan (2007) telah mengemukakan lima kaedah pendidikan mengikut Islam, iaitu:

a. Pendidikan melalui keteladanan (*bil-qudwah*)

Keteladanan adalah faktor penting dalam kemenjadian anak. Sekiranya pendidik jujur, berakhhlak mulia, tidak melakukan perbuatan yang bertentangan dengan agama dan menjauhkan diri dan amanah, maka terbentuklah anak yang mempunyai sifat dan keperibadian sepetimana pendidik. Sekiranya pendidik khianat, derhaka kepada Allah, penakut, pembohong dan hina, maka terbentuklah anak mengikut perilaku hina sebagaimana pendidik.

Ibu bapa seharusnya mendedahkan anak-anak dengan akhlak dan keperibadian Rasulullah SAW kerana telah diutuskan kepada umat manusia sebagai tokoh atau model yang terbaik sepanjang sejarah manusia. Sebagaimana telah diceritakan dalam al-Quran surah al-Ahzab ayat 21:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْنَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

Ertinya: “Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (yaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan Dia banyak menyebut Allah.”

Perilaku Rasulullah SAW seperti berpakaian, makan minum, pertuturan, bersosial bahkan semua tingkah laku telah menggambarkan adab dan prinsip dalam Islam yang perlu dicontohi, diteladani dan dihayati. Malah keteladanannya baginda merangkumi semua aspek kehidupan seperti ibadah, jujur, besederhana, murah hati, sopan santun, rendah hati, berani, teguh memegang prinsip, kuat fizikal, tabah, tulus dan lain-lain lagi akhlak yang terpuji.

b. Pendidikan melalui adat kebiasaan (*bil- 'adah*)

Salah satu potensi manusia ialah beragama yang terbentuk dari dua faktor iaitu pendidikan Islam dan pendidikan persekitaran. Kedua-dua faktor ini saling berkaitan iaitu teori dan praktikal dalam kehidupan. Faktor pendidikan Islam ialah tanggungjawab kedua ibu bapa dengan memberi pelajaran agama secara teorinya dan seterusnya diperaktikkan dengan usaha pembiasaan ajaran agama dalam persekitaran keluarga sebagai pembinaan dan pembentukan keperibadian anak-anak. Berkawan dengan teman yang baik dan bertakwa, maka sifat baik dan takwanya itu dapat di serapkan ke dalam diri secara tidak langsung.

c. Pendidikan melalui nasihat dan bimbingan (*bil-mau'izoh*)

Metod al-Quran mempunyai cara tersendiri dalam mendidik manusia melalui nasihat dan bimbingan. Pertama ialah menyeru ke arah kebaikan dengan penuh kelembutan dan menyenangkan serta mempunyai daya tahan sekiranya ada penolakan. Kedua ialah kaedah bercerita dan perumpamaan yang mengandungi nasihat dan pelajaran dan ketiga ialah kaedah wasiat dan nasihat. Cara panggilan terhadap anak juga seharusnya dititikberatkan. Panggilan yang buruk atau tidak sesuai dengan anak boleh menghilangkan kelembutan hati anak dan menjadi kasar serta susah untuk menerima nasihat. Sehubungan dengan itu, adalah wajar ibu bapa berusaha menamakan anak dengan nama yang sesuai dan membawa maksud yang baik kerana ia memberi kesan kepada keperibadian dan akhlak anak. Rasulullah SAW juga menegaskan pendidikan melalui pendekatan nasihat sebagaimana sabda baginda SAW:

الْدِّينُ النَّاصِيحةُ فُنْنَا لِمَنْ قَالَ اللَّهُ وَلِكِتَابِهِ وَلِرَسُولِهِ وَلِأَئِمَّةِ الْمُسْلِمِينَ وَعَامَّتْهُمْ

Ertinya: “Agama itu adalah nasihat. Kami semua (para sahabat) bertanya: Untuk siapa? Jawab Rasulullah SAW: Untuk Allah, KitabNya, RasulNya, dan sekalian pemimpin umat Islam dan sesama umat Islam.” (HR Sahih Muslim)

Berdasarkan hadis ini, Rasulullah SAW telah meyampaikan bahawa agama adalah nasihat. Maka para ibu bapa dan pendidik bertanggungjawab kepada anak-anak untuk memberi nasihat, pengajaran dan bimbingan serta menyeru ke arah kebaikan. Dengan harapan pesanan ini dapat memberi kesan dan kesedaran kepada anak-anak untuk memandu mereka ke jalan yang benar dan di redhai Allah (Siti Nur Janah et al., 2019).

d. Pendidikan melalui perhatian dan pengawasan (*bil-mulahazoh*)

Antara aspek yang perlu diperhatikan dan diawasi oleh para pendidik terhadap anak-anak ialah keimanan, mental dan intelektual, jasmani, psikologi dan sosial. Perhatian terhadap keimanan anak ialah mengawasi apa yang anak pelajari terutama prinsip ketauhidan dan keyakinan dengan menanam prinsip tersebut untuk mengukuhkan asas keimanan. Menjaga dan membatasi pergaulan anak dari teman yang menyesatkan dan mengawal apa yang dibaca dan ditonton supaya tidak terpesong dari ajaran Islam. Perhatian dari segi moral pula ialah sentiasa mengawasi sifat anak supaya tidak memiliki sifat dusta, munafik dan sentiasa menjaga lisan dari mengucapkan perkataan keji. Mengawasi anak dari teman yang tidak berakhlek, tidak mengikuti gaya hidup hedonisme dan sentiasa memerhatikan kehendak anak.

Seterusnya memerhati daya kemampuan intelektual dan pembentukan budayanya melalui pembelajaran fardhu ain dan fardhu kifayah dengan mendorong anak mencari ilmu melalui buku dan ceramah agama. Manakala dari aspek jasmani anak, mengawasi kehendak atau tuntutan fizikal anak seperti perihal makan, minum dan tidur agar dengan mengawasi perkembangan anak selari dengan peringkat umur dan sentiasa sihat tubuh badan. Perhatian dalam aspek psikologi dan sosial pula ialah memerhatikan perkembangan psikologi dan sosial anak. Sekiranya anak didapati rendah diri, tidak suka atau malu bersosial, maka tanggungjawab pendidik menerapkan keyakinan diri, kematangan berfikir, keteguhan, keberaniaan dan ketabahan. Di samping itu perhatikan dan awasi sikap anak dalam bersosial seperti menunaikan hak orang lain seperti hak-hak ahli keluarga, jiran, orang lebih tua, guru, dan kawan dengan mendahuluikan kepentingan orang sekeliling dan menerapkan sikap bertanggungjawab dalam segala hal.

e. Pendidikan melalui denda, hukuman dan penghargaan (*bil-‘uqubah*)

Nasih Ulwan telah menggariskan metod-metod tertentu dalam melaksanakan hukuman terhadap anak seperti berlemah lembut dan berkasih sayang, tidak memberi hukuman tanpa usul periksa tetapi melihat kepada tabiat dan kebiasaan anak semasa kesalahan dilakukan dan pelaksanaan hukuman adalah berperingkat iaitu dari paling ringan hingga paling berat. Sebagai contoh dalam melaksanakan hukuman dengan memberikan pukulan. Pukulan pertama adalah tidak menyakitkan iaitu di kedua tangan atau kaki dengan objek lembut. Pukul sekali hingga tiga kali, tetapi jika anak masih degil, boleh dipukul sehingga sepuluh kali.

Walau bagaimanapun, Islam telah menetapkan syarat dan batasan dalam pukulan supaya tidak terpesong dari tujuan asal hukuman iaitu mendidik, membaiki dan mencegah (M. Khairil Mustofa, 2014). Berdasarkan metod dalam memberikan hukuman, Nasih Ulwan telah mengemukakan syara-syarat seperti berikut:

- a) Pukulan adalah metod terakhir untuk mendidik dan mencegah setelah berlemah lembut.
- b) Tidak dalam keadaan marah semasa memukul kerana boleh membahayakan anak.
- c) Tidak memukul di bahagian anggota badan tertentu seperti kepala, muka, dada dan perut.
- d) Memukul dengan tidak terlalu keras dan tidak menyakitkan pada bahagian tangan atau kaki dengan tongkat yang kecil.
- e) Tidak boleh memukul anak sebelum usia sepuluh tahun.
- f) Bagi kesalahan anak yang pertama kali tidak sepatutnya dipukul malah diberi kesempatan untuk bertaubat dan memaafkan serta dibenarkan didekati tetapi diharuskan berjanji untuk tidak mengulangi kesaalahan tersebut lagi.

- g) Memukul anak dengan tangan sendiri dan tidak menyerahkan kepada orang lain walaupun saudara sendiri supaya tidak timbul perasaan dendki dan dendam antara mereka.
- h) Sekiranya anak sudah meningkat dewasa dan pukulan dengan kadar biasa sudah tidak mampu menegahnya, maka dibolehkan menambah bilangan pukulan atau mengulanginya sehingga anak bertaubat dan menjadi baik.

Sementara itu, memberi penghargaan dan ganjaran kepada anak sekiranya melakukan kebaikan atau menyempurnakan tugas yang diberikan. Amalan tersebut amatlah digalakkan kerana dapat memberi motivasi agar terus melakukan kebaikan dan dapat membina hubungan positif dengan ibu bapa atau pendidik. Al-Quran menggunakan istilah *tsawab* dan *al-arju* yang bermaksud pahala atau ganjaran untuk menggambarkan bahawa manusia dikurniakan balasan ke atas setiap perbuatan baik sama ada di dunia dan akhirat (Subri, 2014). Sebagaimana dalam surah *al 'Imran* ayat 148:

فَاتَّسْهُمُ اللَّهُ ثَوَابُ الدُّنْيَا وَحُسْنَ ثَوَابُ الْآخِرَةِ وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

Ertinya: “Maka Allah memberi mereka pahala di dunia dan pahala yang baik di akhirat. Dan Allah mencintai orang-orang yang berbuat kebaikan.”

Jelas di sini konsep pendidikan anak yang ditekankan oleh Nasih Ulwan dapat membina umat yang mantap dan kukuh dari sudut sahsiah, mental, jiwa, nilai moral yang berpedoman pada syariat Islam di samping dapat melahirkan generasi Islam yang memperjuangkan prinsip-prinsip pendidikan Islam dan teguh dengan ajaran Islam.

5.3 Kaedah Pembelajaran Utsman Najati

Muhammad Utsman Najati ialah seorang ilmuwan Islam kontemporari yang mendalami ilmu psikologi. Beliau adalah salah seorang tokoh yang mengembangkan ilmu psikologi melalui perspektif Islam yang membincangkan konsep-konsep psikologi yang terkandung di dalam al-Quran dan hadis. Antara karya terulung beliau ialah *Al-Qur'an wa 'Ilm An Nafs* (1987) dan *Al-Hadīs an-Nabawiy wa 'Ilm An Nafs* (1988) yang dijadikan panduan dalam psikologi Islam (Zaharuddin, 2015).

Muhammad Utsman Najati (2000) juga mengutarakan empat model utama yang berlaku dalam proses pendidikan iaitu *taqlid* (imitasi/peniruan), *tajribah wal khata'* (cuba gagal), *ta'wid* (pembiasaan) dan berfikir dengan merangsang otak. Pendekatan pendidikan yang dikemukakan oleh kedua-duanya adalah sangat wajar, sesuai dan praktikal untuk diaplikasikan oleh semua lapisan masyarakat terutama ibu bapa dan pendidik di zaman moden ini dalam menangani isu-isu yang berkaitan dengan moral dan tingkah laku anak. Berdasarkan prinsip-prinsip belajar menurut al-Quran dan hadis, Utsman Najati (2000 & 2005) mengemukakan empat metod pembelajaran yang berlaku dalam kehidupan manusia berdasarkan al-Quran dan hadis iaitu metod peniruan, cuba gagal, pembiasaan dan berfikir:

a. Metod *taqlid*

Metod peniruan atau imitasi ialah kecenderungan manusia untuk meniru orang di sekelilingnya untuk bertingkah laku atau pun melakukan sesuatu. Ini kerana terdapatnya pengaruh *tabi'iyyah* dalam diri kanak-kanak yang cenderung mengamati, mengikuti dan meniru segala apa yang dilihat, dirasa dan didengar (Slamet Untung, 2005). Antara ayat al-Qur'an yang menyebut

tentang tabiat manusia yang cenderung belajar dengan meniru ialah dalam surah Al-Maidah ayat 31. Ayat tersebut menceritakan tentang kisah Qabil yang membunuh saudaranya Habil tetapi tidak mengetahui bagaimana hendak menguruskan mayat saudaranya. Allah telah mengutuskan seekor burung gagak menggali tanah untuk menguburkan bangkai gagak lain yang telah mati. Maka, dari situlah Qabil belajar bagaimana mengubur mayat Habil.

Rasulullah SAW. juga mengajar dan mendemonstrasikan tatacara solat kepada para sahabat dengan bertujuan supaya mereka dapat meniru dengan betul. Walau bagaimanapun, peniruan yang dimaksudkan di sini bukanlah meniru tanpa usul periksa yang dipanggil *taqlid* atau peniruan buta. Tetapi ia memerlukan kemampuan intelektual dan rasional untuk membezakan antara kebaikan dan keburukan. *Taqlid* atau peniruan ini adalah proses belajar yang sederhana kerana tidak susah, malah kebanyakan manusia cenderung melukannya (Subri, 2014). Menurut al-Attas, pada tahap awal perkembangan kanak-kanak, *taqlid* merupakan pembelajaran awal iaitu suatu sifat semulajadi dan positif kepada pelajar baru kerana masih belum terdedah dengan pendidikan dan latihan yang cukup untuk memahami ilmu pengetahuan dan bukti-bukti secara mendalam (Wan Mohd Nor Wan Daud, 2005).

b. Metod *tajribah wa khatha'* (cuba gagal)

Manusia belajar melalui pengalaman dan uji kaji dalam kehidupan dengan berusaha menyelesaikan masalah walaupun kadang-kadang mengalami kegagalan dan akan tetap mencuba sehingga berjaya menyelesaikannya. Al Quran mendorong manusia untuk melakukan pemerhatian dan berfikir tentang alam semesta dan segala isinya demi mencari kebenaran (Wan Mohd Nor Wan Daud, 2005). Metod ini hanya sesuai bagi hal-hal yang bersifat praktikal, aplikasi atau untuk mencari jawapan baru atau penyelesaian masalah yang berkaitan dengan urusan dunia serta tidak memerlukan pemikiran panjang dan lebih bersifat sensor-motorik (Evi Aeni Rufaeadah, 2017).

Dalam hadis riwayat Ibnu Majah (1995) ada menceritakan tentang Rasulullah SAW yang telah membayangkan tentang konsep cuba gagal dalam penyemaian mayang kurma. Dari ‘Aisyah, sesungguhnya Rasulullah SAW bertanya: “*Suara apa ini?*” Para sahabat menjawab: Orang-orang sedang membuat pendebungan kurma. Maka Rasulullah SAW bersabda: “*Jika mereka tidak melakukannya, itu akan lebih baik.*” Maka para sahabat tidak melakukannya lagi tahun ini, ternyata mereka gagal menuai. Kemudian mereka memberitahu Nabi, maka Nabi bersabda: “*Sekiranya sesuatu itu adalah masalah dunia kamu, maka terserah kepada kamu, tetapi jika itu urusan agamamu, maka tanyalah aku.*”

Hadis tersebut menerangkan bahawa Rasulullah SAW mengesyaki pendebungan yang dilakukan oleh para sahabat dengan mengahwinkan debunga jantan dan debunga betina adalah tidak perlu dilakukan. Jelas di sini bahawa pentingnya kaedah cuba gagal bagi mendapatkan hasil yang terbaik khususnya dalam urusan atau masalah dunia dan bersifat aplikatif yang tidak memerlukan pemikiran yang mendalam (Subri, 2014).

c. Metod *ta'wid / isyrat* (pembiasaan)

Metod ini ialah proses pembelajaran dengan rangsangan dan deria sebagai perangsang. Apabila seseorang itu bertindak balas terhadap rangsangan, ianya adalah respon. Respon ini kemudiannya diikuti dengan rangsangan neutral. Respon itu akan diulang-ulang bila mendapat ganjaran atau peneguhan. Seperti mana Hasan Langgulung (1988) yang menyatakan terdapat tiga syarat yang menentukan kejayaan dalam proses pembelajaran iaitu rangsangan (stimulus)

yang seharusnya mudah difahami oleh orang yang belajar. Kedua ialah orang yang belajar haruslah memberi respon kepada rangsangan tersebut. Ketiga ialah respon tersebut diberi peneguhan (*tsawab*) supaya menjadi kekal dan diulang-ulang oleh orang belajar.

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَحَبُّ الْأَعْمَالِ إِلَى اللَّهِ تَعَالَى أَدْوَمُهَا وَإِنْ قَلَّ

Ertinya: Dari Aisyah RA, ia berkata: Rasulullah SAW bersabda: Amal perbuatan yang sangat disukai Allah SWT adalah amal perbuatan yang dikerjakan secara kontinuum (berterusan menjadi suatu kebiasaan), sekalipun kadarnya hanya sedikit (HR. Muslim).

Menurut Subri (2014), Nabi Muhammad SAW telah mempraktikkan kaedah pembiasaan terhadap bangsa Arab dalam pembentukan menjadi mayarakat yang mempunyai peradaban. Kebiasaan keadaan masyarakat Arab jahiliyyah pada masa tersebut ialah menyembah berhala, berorietasikan materialisme dan hedonisme tetapi boleh berubah menjadi bangsa yang berkepribadian dan peradaban tinggi serta mentauhidkan Allah. Perubahan yang berlaku adalah beransur-ansur dan bertahap, maka kaedah pembiasaan dipraktikkan dengan kaedah ganjaran pahala (*tsawab*) dan dosa (*adzab*) walaupun bersifat abstrak supaya proses pembelajaran menjadi efektif.

d. Metod *tafakkur* (berfikir)

Menurut Najati (2005), berfikir dengan merangsang aktiviti otak anak-anak supaya dapat berfikir berasaskan informasi yang didapati. Dengan berfikir manusia dapat melakukan cuba gagal secara intelektual untuk mendapatkan pengalaman sekaligus dapat menyelesaikan masalah. Oleh sebab itulah berfikir adalah tahap proses pembelajaran yang tertinggi. Allah menyuruh manusia berfikir dan selalu menggunakan akal untuk memahami dan menaakul segala ciptaan dan kebesaran Allah di muka bumi ini. Antaranya ialah dalam surah *al-Ghasyiah* ayat 17 hingga 20, surah *al-An'am* ayat 95, surah *Qaf* ayat 6 hingga 10 dan surah *al-Anbiya'* ayat 66 hingga 67. Kaedah perbincangan, berdialog, konsultasi dan berkomunikasi adalah antara kaedah yang dapat memahami dan memperjelaskan sesebuah pemikiran seseorang.

Berfikir merupakan asas kebaikan, pekerjaan hati yang utama dan aktiviti yang bermanfaat. Seseorang mukmin bebas berfikir dan berimajinasi malah menjadi ibadah sekiranya berfikir tentang zat dan kekuasaan Allah (Malik Badri, 2001). Al-Quran sangat menganjurkan manusia menggunakan akal fikiran secara maksimum demi mencari kebenaran. Sebagaimana dialog Nabi Ibrahim dalam surah *al-Baqarah* ayat 260:

وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ رَبِّنِي كَيْفَ تُحْكِي الْمَوْتَىٰ قَالَ أَوْلَمْ تُؤْمِنُنَّ بِمَا نَرَىٰ وَلَكِنْ لَيَطْمَئِنُّ فَيِّقِيلُ قَالَ فَخُذْ أَرْبَعَةً مِّنَ الظَّيْرِ فَصُرْهُنَّ إِلَيَّكَ ثُمَّ أَجْعَلْ عَلَىٰ كُلِّ جَبَلٍ مِّنْهُنَّ جُرْءًا ثُمَّ أَدْعُهُنَّ يَأْتِينَكَ سَعْيًا وَأَعْلَمُ أَنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Ertinya: "Dan (ingatlah) ketika Ibrahim berkata: "Ya Tuhan, perlihatkanlah kepadaku bagaimana Engkau menghidupkan orang-orang mati". Allah berfirman: "Belum yakinkah kamu?" Ibrahim menjawab: "Aku telah meyakinkannya, akan tetapi agar hatiku tetap mantap (dengan imanku) Allah berfirman: "(Kalau demikian) ambillah empat ekor burung, lalu cincanglah semuanya olehmu. (Allah berfirman): "Lalu letakkan diatas tiap-tiap satu bukit satu bagian dari bagian-bagian itu, kemudian panggilah mereka, niscaya mereka datang kepadamu dengan segera". Dan ketahuilah bahwa Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana".

6. Kesimpulan

Pendidikan tingkah laku merupakan salah satu aspek pendidikan sosial kanak-kanak, agar mereka boleh membesar dengan hubungan sosialisasi dan kemasyarakatan secara harmoni. Kajian ini bertujuan untuk mengemukakan perbincangan kaedah pendidikan tingkah laku anak yang berkesan dan bertepatan dengan matlamat pendidikan Islam. Kaedah pendidikan tingkah laku yang dicadangkan merupakan hasil penggabungan atau kesepaduan antara dua kaedah dari dua perspektif yang berbeza iaitu kaedah pendidikan Abdullah Nasih Ulwan dan kaedah pembelajaran psikologi Ustman Najati. Kedua-dua kaedah ini disepadukan dan membentuk kaedah ‘Ulwan Najati” sebagai satu kaedah pendidikan tingkah laku anak.

Empat kaedah yang terdiri daripada peniruan, pelaziman, cuba jaya dan penaakulan ini merupakan kaedah yang tidak memisahkan aspek kerohanian, intelektual, emosi dan sosial dalam pendidikan tingkah laku. Pembinaan kaedah integrasi ini juga bersumberkan daripada fahaman ayat-ayat al-Quran dan al-hadis al-Nabawi yang berkaitan. Sementara ayat 12 hingga 19 daripada surah Luqman memperlihatkan penggunaan kaedah *mau’izah* atau penaakulan dengan strategi komunikasi berkesan. Melalui pesanan, Luqman menerapkan nilai syukur terhadap nikmat Allah SWT, tidak menyekutukan Allah SWT, mentaati kedua ibu bapa, menunaikan solat, bersikap rendah diri, tidak bongkak dan takabbur.

Integrasi kaedah pendidikan tingkah laku ini diharapkan boleh dijadikan panduan oleh ibu bapa, guru-guru dan pengasuh kanak-kanak dalam mendidik tingkah laku kanak-kanak agar pendidikan yang dilaksanakan bersesuaian dengan fitrah mereka. Kanak-kanak yang dididik dengan kaedah ini akan membesar dengan pembentukan tingkah laku yang bertepatan dengan nilai dan norma masyarakat setempat serta sebagai seorang individu muslim yang bertingkah laku dan bersahsiah mulia.

Rujukan

- Abd Manaf, A. Y. (2014). *Al-Quran al-Karim, Al-Haramain: Terjemahan & Tajwid* ed. 5th. Selangor: Karya Bestari Sdn. Bhd..
- Abdul Munip. (2009). Reinventing nilai-nilai Islam mengenai peranan guru dalam pendidikan karakter. *Diskusi Forum Lingkar Hijau BEM* (pp. 1-14). Yogyakarta: Fakultas Ilmu Pendidikan UNY.
- Al-Bakri, Z. M. (3 Julai , 2015). *Bayan Linnas Siri Ke-30: Anak....Ihsanilah*. Retrieved from Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan: <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/1810-anak-ihsanilah>
- Ali, SA, Ismail, S., Aisyah, N., & Omar, AR (2019). Psikologi Pembangunan Kanak-Kanak: Perkaitan Antara Psikologi Pendidikan Barat Dan Psikologi Pendidikan Islam: Psikologi Perkembangan Kanak-Kanak: Hubungan Psikologi Pendidikan Barat dan Psikologi Pendidikan Islam. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Islam*, 4 (1), 14–23. <http://jice.um.edu.my/index.php/JIER/article/view/18318>
- Al-Syawkani, M. A. (1993). *Fath al-qadir*. Qahirah: Dar al-Haramayn.
- Altieri, M. J., & Von Kluge, S. (2009). Family functioning and coping behaviors in parents of children with autism. *Journal of child and Family Studies*, 18(1), 83-92. <https://doi.org/10.1007/s10826-008-9209-y>
- An-Nahlawi, A. (2004). *Pendidikan Islam di rumah, sekolah dan masyarakat* (Shihabud, Trans.). Jakarta: Gema Insani Press.
- Bandura, A. (1977). *Social Learning Theory*. Englewood Cliffs: NJ: Prentice Hall.
- Berk, L. (2017). *Exploring Lifespan Development* . Georgia : Pearson .
- Gormezano, I., Prosy, W.F., & Thompson, R.F. (1987). *Classical Conditioning*. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates.
- Green, Timothy D. & Brown, A. (2002). *Multimedia projects in the classroom: A guide to development and evaluation*. California: Thousand Oaks .
- Gür, D., & Türel, Y. K. (2022). Parenting in the digital age: Attitudes, controls and limitations regarding children's use of ICT. *Computers & Education*, 183, 104504. <https://doi.org/10.1016/j.compedu.2022.104504>

- Haliza Hamzah & Joy Nesamalar Samuel . (2016). *Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku: Siri Pendidikan Guru* . Kuala Lumpur : Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Harman, J. J., Matthewson, M. L., & Baker, A. J. (2022). Losses experienced by Children alienated from a parent. *Current Opinion in Psychology*, 43, 7-12. <https://doi.org/10.1016/j.copsyc.2021.05.002>
- Hergenhahn, B. R. & Olson, M. H. (2005). *An Introduction to Theories of Learning*, (7th ed.) . Upper Saddle River: NJ: Prentice Hall.
- Ibnu Majah. (1995). *Sunan Ibnu Majah* (Vol. 2) (*Kitab ruhun*). Beirut: Dar al-Fikri.
- Ismail, S. (2018). Elemen komunikasi bapa dalam surah Luqman. *4th International Conference on Islamiyyat Studies 2018* (pp. 331-343). Bandar Baru Bangi, Selangor: IRSYAD 2018 E-Proceeding, Fakulti of Islamic Civilisations Studies, International Islamic University College Selangor.
- Kamaruddin, K. (2016). *Psikologi perkembangan: Panduan untuk Guru*. Tanjung Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Langgulung, H. (1988). *Asas-Asas Pendidikan Islam*. Jakarta: Al-Husna.
- Malik Badri. (2001). *Fiqih tafakkur; dari perenungan menuju kesadaran, sebuah pendekatan Psikologi Islami*. Solo: Era Intermedia.
- Mamat, M. S., Nasir, K., & Zaman, R. K. (2020). Interaksi Sosial Terhadap Kanak-Kanak: Teori dan Aplikasi Nabawi Berdasarkan Hadis Yā Abā ‘Umayr. *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge*, 1(1), 67-88.
- Meerangani, K. A. (2017). Kaedah pembentukan karakter anak-anak menurut Islam: Analisis surah Luqman. *Prosiding Seminar Antarabangsa Pembangunan Insan 2017* (pp. 1-12). Melaka: Kolej Universiti Islam Melaka.
- Mohamad Elham, S. K., & Abdullah, S. (2016). Perbincangan “Tingkah Laku” Dan Interaksi Penghayat Ke Atas Beberapa Karya Seni Multimedia Interaktif Di Malaysia.Slamet Untung. (2005). *Muhammad sang pendidik*. Semarang: Pustaka Rizki Putra.
- Mohamad, S. (2014). *Adaptasi Silang Budaya ASQ:SE di Malaysia*, (Tesis PhD). Selangor: Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mustafa, S. N. J. M., Ajmain, M. T. & Safar, A. (2019). Pendidikan anak menurut Abdullah Nasih Ulwan. *Seminar Kebangsaan Keluarga Sejahtera Negeri Johor* (pp. 1-14). Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mustofa, M. K. (2014). Konsepsi pendidikan Islam menurut Dr. Abdullah Nasih Ulwan. *Jurnal Study Islam Panca Wahana*, 12 (10), 67-84.
- Najati, M. U. (2000). *Psikologi dalam tinjauan hadis Nabi*. Kota Surabaya: Darusy Syuruq.
- Najati, M. U. (2005). *Ilmu Jiwa dalam Al-Quran* (Addys Aldizar & Tohirin Suparta, Trans.). Jakarta: Pustaka Azzam.
- Nimmo, J. (2008). Young children's access to real life: An examination of the growing boundaries between children in child care and adults in the community. *Contemporary Issues in Early Childhood*, 9(1), 3-13. <https://doi.org/10.1080/0300443961240101>
- Nurmalitasari, F. (2015). Perkembangan sosial emosi pada anak usia prasekolah. *Buletin psikologi*, 23(2), 103-111.
- Rufaedah, E. A. (2018). Teori belajar Behavioristik menurut perspektif Islam. *Risâlah, Jurnal Pendidikan Dan Studi Islam*, 4(1, March), 13-30.
- Subri. (2014). Teori belajar pespektif pendidikan Islam. *Jurnal Qathruna*, 1 (1), 145-178.
- Ulwan, A. N. (1997). *Pendidikan anak-anak dalam Islam* (Vol. 1-2). (Syed Ahmad Semat, Trans.). Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd
- Ulwan, A. N. (2007). *Pendidikan anak dalam Islam* (Jamaludin Miri, Trans.). Jakarta: Pustaka Amani.
- Wan Daud, W. M. N. (1998). *The educational philosophy & practice of Syed Muhd Naquib al-Attas*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Watson, J. (1930). *Behaviorism*. Chicago: University of Chicago Press Chicago.
- Welner, M., DeLisi, M., Knous-Westfall, H. M., Salsberg, D., & Janusewski, T. (2022). Forensic assessment of criminal maturity in juvenile homicide offenders in the United States. *Forensic Science International: Mind and Law*, 100112. <https://doi.org/10.1016/j.fsimpl.2022.100112>
- Zaharuddin. (2015). Telaah kritis terhadap pemikiran psikologi Islam Muhammad Utsman Najati. *PSIKIS-Jurnal Psikologi Islam*, (1) 2, 95-114.
- Zarinah & Rozumah. (2011). Perkaitan antara faktor sosioekonomi dan kualiti tingkah laku keibubapaan dalam keluarga berisiko. *Jurnal Kemanusiaan*, 17.